

Garis Panduan Aktiviti Penyelidikan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Sebagai Langkah Pencegahan Penularan Wabak COVID-19

1.0 TUJUAN

- 1.1. Garis Panduan ini adalah bertujuan untuk memastikan aktiviti penyelidikan dapat dijalankan dalam keadaan yang selamat bagi semua penyelidik, kakitangan dan pelajar Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK). Ianya adalah langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 di samping memelihara kebajikan kakitangan pelajar serta memastikan persekitaran tempat kerja yang selamat .
- 1.2. Garis Panduan Aktiviti Penyelidikan ini berkuat kuasa pada tarikh yang sama dengan tarikh kuat kuasa Garis Panduan Bekerja Mulai 10 Jun 2020 yang telah dikeluarkan terdahulu oleh pihak Universiti dan FSSK.
- 1.3. Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan tatacara pelaksanaan penyelidikan mulai 10 Jun 2020 sebagai rujukan dan panduan kepada Ketua Jabatan (Dekan/ Timbalan Dekan/ Penolong Dekan/ Pengerusi Pusat Kajian/ Ketua Pentadbiran, kakitangan FSSK dan pelajar yang menjalankan penyelidikan. Garis Panduan ini terbahagi kepada lapan (8) bahagian iaitu :-
 - 1.3.1 Definisi
 - 1.3.2 Tanggungjawab
 - 1.3.3 Mengadakan dan Menghadiri Aktiviti Penyelidikan
 - 1.3.4 Penyelidikan di Makmal
 - 1.3.5 Kerja Lapangan
 - 1.3.6 Penyeliaan dan Lain-lain Urusan Penyelidikan
 - 1.3.7 Pemakaian Garis Panduan Penyelidikan
 - 1.3.8 Tarikh Kuatkuasa

2.0 DEFINISI

2.1 Penyelidik

Penyelidik termasuk kumpulan Pensyarah, Pengurusan & Profesional, Pelaksana, Penyelidik Pasca Doktorat dan Pelajar yang menjalankan aktiviti penyelidikan.

2.2 Aktiviti Penyelidikan

2.2.1 Penyelidik adalah **DIBENARKAN** untuk membuat penyelidikan di makmal/lapangan, mengadakan/menghadiri aktiviti penyelidikan, penyeliaan dan lain-lain urusan penyelidikan mengikut garis panduan ini tertakluk kepada kelulusan Dekan FSSK

2.2.2 Dalam pelaksanaan ini, Dekan FSSK bertanggungjawab untuk menyusun aktiviti penyelidikan yang perlu dijalankan.

2.3 Makmal

Merangkumi semua makmal, studio, bilik untuk tujuan penyelidikan dan pengajaran dalam semua bidang.

2.4 Lapangan

Merangkumi tapak kajian, tempat awam dan mana-mana premis atau lokasi yang berkaitan untuk tujuan penyelidikan dan pengajaran seperti pengambilan sampel, analisis *on-site*, soal selidik, temu bual, forum, perbincangan fokus berkumpulan dan sebagainya. Pergerakan ke lapangan adalah dibenarkan. Namun, penyelidik adalah digalakkan untuk menjalankan aktiviti penyelidikan seperti soal selidik, temu bual, forum, perbincangan berkumpulan secara atas talian.

3.0 TANGGUNGJAWAB

3.1 Tanggungjawab Ketua PTj

3.1.1 **Bertanggungjawab dalam membuat pertimbangan kelulusan kepada warga PTj masing-masing dalam tempoh PKP/PKPB/PKPP dilaksanakan. Manakala selepas pelaksanaan tempoh PKP/PKPB/PKPP, kemasukan warga PTj ke makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran tidak perlu lagi mendapatkan kelulusan Ketua PTj. Namun demikian,**

Ketua PTj masih bertanggungjawab sepenuhnya dalam membuat pemantauan rapi terhadap pematuhan warga PTj kepada peraturan-peraturan keselamatan dan perlindungan diri yang ditetapkan dalam mengelak penularan Wabak COVID-19 ini.

- 3.1.2 Bertanggungjawab melaporkan kepada UKM sekiranya penyelidik mempunyai gejala jangkitan dan kurang sihat semasa menjalankan aktiviti penyelidikan.
- 3.1.3 Bertanggungjawab untuk memastikan senarai lengkap setiap penyelidik yang hadir untuk aktiviti penyelidikan (bilangan orang, nama, tarikh, masa (masuk dan keluar), tempat dan lain-lain butiran yang berkenaan). Rekod hendaklah disimpan untuk memudahkan penjejakan kontak sekiranya diperlukan.
- 3.1.5 Bertanggungjawab untuk memastikan agar aktiviti penyelidikan dijalankan adalah selamat dan tidak terdedah kepada risiko jangkitan wabak COVID-19, termasuk penjarakan sosial (sekurang-kurangnya 1 meter), pemakaian PPE (*Personal Protective Equipment*), bekalan peralatan asas penjagaan kesihatan seperti *hand sanitizer*, pelitup muka bagi kegunaan penyelidik sebelum masuk ke makmal.
- 3.1.6 Ketua PTj adalah bertanggungjawab untuk memantau aktiviti penyelidikan, termasuk prestasi dan output penyelidikan dari semasa ke semasa untuk keberlangsungan penyelidikan.

3.2 Tanggungjawab Penyelidik

- 3.2.1 Penyelidik hendaklah sentiasa mematuhi semua peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh UKM dan Ketua PTj dalam menjalankan aktiviti penyelidikan mengikut peraturan dan garis panduan penyelidikan di makmal sebagaimana yang dinyatakan pada Perkara 5.0 garis panduan ini.
- 3.2.2 Penyelidik perlu merancang dan membuat tempahan penggunaan makmal/bengkel/studio//bilik penyelidikan dan pengajaran lebih awal (seminggu) bagi memudahkan perancangan penggunaan ruang penyelidikan.
- 3.2.2 Dalam tempoh pelaksanaan PKP/PKPB, Penyelidik **perlu memohon dan mendapatkan kelulusan Ketua PTj sebelum memasuki makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran**. Kelulusan tidak perlu diperolehi lagi sekiranya arahan PKP telah tamat dan rutin kerja kembali seperti biasa.

3.3 Tanggungjawab Kakitangan Makmal

- 3.3.1 Mengambil bacaan suhu badan dan menggunakan *hand sanitizer* sebelum masuk ke makmal. Perlu melakukan proses sanitasi sebelum masuk dan selepas meninggalkan makmal;**
- 3.3.2 Memastikan jarak kontak yang selamat (sekurang-kurangnya 1 meter). Pemakaian pelitup muka adalah diwajibkan jika pekerjaan melibatkan pengguna lain dan hendaklah kerap membasuh tangan bagi tujuan kebersihan diri;**
- 3.3.3 Merancang penggiliran penyelidik yang bekerja dalam makmal**
- 3.3.4 Semua kakitangan makmal diwajibkan menyediakan maklumat asas (Nama dan no telefon) mana-mana warga atau pelanggan yang berurusan dengan mereka secara bersemuka sepanjang di makmal;**
- 3.3.5 Kakitangan adalah dilarang sama sekali berkumpul di satu-satu tempat di dalam kawasan makmal.**
- 3.3.6 Peka dengan keadaan persekitaran, terutamanya apabila berurusan dengan rakan atau orang luar, untuk memudahkan penjejakan kontak (contact tracing) apabila perlu;**
- 3.3.7 Bertanggungjawab bagi keselamatan dan kesihatan diri sendiri, rakan sekerja dan orang lain yang mungkin terjejas semasa menjalankan kerja.**
- 3.3.8 Memastikan proses penyahjangkitan (Disinfeksi) dilakukan dalam makmal mengikut selang masa yang bersesuaian.**
- 3.3.9 Mematuhi segala peraturan yang sedang berkuat kuasa di UKM dari semasa ke semasa**
- 3.3.10 Mematuhi arahan pihak pengurusan FSSK dan pihak pengurusan Universiti dari semasa ke semasa.**

4.0 MENGADAKAN DAN MENGHADIRI AKTIVITI PENYELIDIKAN

4.1 Mengadakan Aktiviti Penyelidikan

- 4.1.1 Penganjuran persidangan, seminar, bengkel, forum, perbincangan fokus berkumpulan dan sebagainya perlu dijalankan secara alternatif iaitu secara atas talian kecuali keberadaan secara fizikal adalah penting dan tidak dapat dielakan dengan memenuhi semua keperluan keselamatan dan pengawalan penularan wabak.
- 4.1.2 Kesesuaian dan kelulusan penganjuran aktiviti penyelidikan dengan mengambil kira anggaran bilangan peserta, tarikh, masa (mula dan tamat), tempat dan lain-lain butiran yang berkenaan perlu mendapat kelulusan Dekan FSSK.
- 4.1.3 Hanya premis/lokasi penyelidikan termasuk dewan/bilik seminar/bilik bengkel/bilik mesyuarat yang telah diperakukan mematuhi tahap keselamatannya dari aspek kebersihan, penjarakan sosial dan diinfeksi oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan FSSK boleh digunakan.
- 4.1.4 Penganjur perlu memastikan premis/lokasi penyelidikan dalam keadaan bersih dan telah nyahkuman/disinfeksi di permukaan yang mudah dicemari sebelum dan selepas mengadakan aktiviti penyelidikan.
- 4.1.5 Penganjur disarankan untuk menyediakan penutup mulut dan hidung, *hand sanitizer* serta kertas tisu kepada peserta. Penganjur juga perlu menyediakan tempat pelupusan penutup mulut dan hidung serta kertas tisu yang sesuai.
- 4.1.6 Semua peserta seharusnya memakai penutup mulut dan hidung setiap masa serta menggunakan hand sanitizer yang disediakan.
- 4.1.7 Penganjur hendaklah mengambil kedatangan dan rekod bacaan suhu ($<37.5^{\circ}\text{C}$) setiap peserta serta memastikan semua peserta menggunakan hand sanitizer di pintu masuk sebelum memasuki premis/lokasi penyelidikan.
- 4.1.8 Peserta yang mempunyai gejala demam, batuk, sakit tekak dan sesak nafas adalah tidak dibenarkan masuk ke premis/lokasi penyelidikan.

- 4.1.9 Maklumat berkaitan COVID-19 dipaparkan secara jelas di premis/lokasi penyelidikan dan dimaklumkan kepada peserta sebagai langkah kesedaran
- 4.1.10 Peserta perlu mengamalkan penjarakan sosial (sekurang-kurangnya 1 meter) dengan peserta lain dan tiada sentuhan/bersalaman dibenarkan.
- 4.1.12 Penyertaan peserta antarabangsa adalah tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan UKM dari semasa ke semasa.
- 4.1.12 Dekan FSSK berhak membuat perubahan dari semasa ke semasa dan berhak untuk mengambil tindakan atas sebarang ketidakpatuhan.

4.2 Menghadiri Aktiviti Penyelidikan

- 4.2.1 Penyelidik adalah digalakkan untuk menghadiri aktiviti penyelidikan secara alternatif iaitu secara atas talian.
- 4.2.2 Dekan FSSK bertanggungjawab menyemak dan mempertimbangkan kelulusan menghadiri aktiviti penyelidikan secara fizikal dengan mengambil kira anggaran bilangan peserta, tarikh, masa (mula dan tamat), tempat dan lain-lain butiran yang berkenaan.
- 4.2.3 Penyelidik yang diluluskan menghadiri aktiviti penyelidikan haruslah mengamalkan langkah-langkah pengawalan penularan wabak seperti;
 - a) memakai penutup mulut dan hidung pada setiap masa
 - b) menggunakan hand sanitizer yang disediakan oleh penganjur
 - c) mengamalkan penjarakan sosial (sekurang-kurangnya 1 meter)
 - d) tiada sentuhan/bersalaman dibenarkan
 - e) dan lain-lain langkah seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Bekerja FSSK.
- 4.2.4 Penyelidik tidak digalakkan untuk menghadiri aktiviti penyelidikan jika terdapat gejala seperti demam, batuk, sakit tekak dan sesak nafas.
- 4.2.5 Kehadiran aktiviti penyelidikan di luar negara adalah tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan UKM dari semasa ke semasa.

5.0 PENYELIDIKAN DI MAKMAL

- 5.1 Semua penyelidikan dan pengajaran di makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran adalah tertakluk kepada garis panduan ini.
- 5.2 Kakitangan makmal adalah dinasihati untuk mengatur jadual masa kemasukan ke makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran dan mengambil rekod kemasukan staf dan pelajar bagi tujuan pemantauan pergerakan dalam makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran.
- 5.3 Semua makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran seharusnya mengadakan kawalan bilangan staf dan pelajar yang berada dalam ruang yang sama pada sesuatu masa. Bilangan staf dan pelajar adalah terhad dan bergantung kepada kapasiti ruang, digalakkan seorang per 1.3 meter persegi untuk tujuan penjarakan sosial. Had ruang dalam makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran adalah seperti (Jadual 1) berikut:

Jadual 1: Had Maksima Kawalan Kapasiti Pengguna Makmal

Bil	Premis	Had Maksima Kawalan Pengguna
KEDEKANAN		
1	Makmal A FSSK	4
2	Makmal D FSSK	11
PUSAT KAJIAN PSIKOLOGI & KESEJAHTERAAN MANUSIA		
3	Makmal Perkembangan	15
4	Bilik Perkhidmatan Sumber	12
5	Makmal Kaunseling	6
6	Makmal Pengurusan Stres	8
7	Bilik Tayangan	10
8	Bilik Rundingan	5
9	Makmal Kognitif	2
PUSAT KAJIAN PEMBANGUNAN, SOSIAL & PERSEKITARAN		
10	Makmal Kualiti Udara	2
11	Makmal Geospasial	10

12	Makmal Multimedia	8
13	Makmal RS/GIS	10
14	Makmal NOAA	2
15	Bilik Sumber PPSPP	12
16	Bilik Kajian Impak	10
17	Bilik Penyelidikan Eco Hydrology	2
18	Makmal Hidrogeomorfologi/Ukur	4
19	Makmal Biogeografi/Tanah	4
20	Studio Perancangan	4
21	Makmal Komputer C	8
22	Bilik Penyelidikan	4
PUSAT KAJIAN SEJARAH, POLITIK & HAL EHWAL ANTARABANGSA		
23	Makmal Arkib Sejarah Lisan	5
24	Bilik Sumber	15
25	Galeri Litograf, Karikatur & Manuskrip	12
PUSAT KAJIAN MEDIA & KOMUNIKASI		
26	Bilik Radio	2
27	Bilik Editing	2
28	Bilik CCU	2
29	Studio	3
30	Bilik Operasi	2
PUSAT KAJIAN BAHASA & LINGUISTIK		
31	Makmal Multimedia	9
PUSAT KAJIAN BAHASA, KEBUDAYAAN & KESUSASTERAAN MELAYU		
32	Makmal Audio Fonetik	4
33	Bilik Komputer	7
34	Balai Busana Melayu	10
35	Bilik Sumber	10

- 5.4 Memastikan pengudaraan berfungsi dan diselenggara dengan baik.
- 5.5 Melakukan penyahkuman (disinfeksi) pada permukaan yang mudah dicemari kuman seperti meja, kerusi, tombol, peralatan dan lain-lain yang berkaitan sekurang-kurangnya dua kali sehari iaitu sebelum dan selepas aktiviti penyelidikan dan pengajaran dijalankan
- 5.6 Penyelidik perlu melakukan penyahkuman (disinfeksi) pada permukaan ruang kerja penyelidikan dan peralatan yang digunakan sebelum dan selepas penggunaan.
- 5.7 Sebelum menjalankan aktiviti penyelidikan, semua sampel yang dibawa masuk dari luar dan dalam kampus seharusnya dijalankan penyahkuman (disinfeksi) semana yang boleh.
- 5.8 Memastikan kontak yang minimum dengan permukaan mana-mana bahagian dalam makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran.
- 5.9 Pengajaran, taklimat serta perbualan seharusnya dibuat dengan mengamalkan penjarakan sosial (sekurang-kurangnya 1 meter) dan mengelakkan berada di tempat yang sempit
- 5.10 Sekiranya garis panduan ini tidak dipatuhi, staf atau pelajar dilarang untuk hadir ke makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran untuk suatu tempoh masa yang akan ditentukan oleh Fakulti.

6.0 PENYELIDIKAN DI LAPANGAN

- 6.1 Semua kerja lapangan termasuk pengambilan sampel, analisis on-site, soal selidik, temu bual, forum, perbincangan berkumpulan dan sebagainya di tapak kajian, tempat awam dan mana-mana premis atau lokasi yang berkaitan untuk tujuan penyelidikan dan pengajaran adalah tertakluk kepada garis panduan ini.
- 6.2 Kerja lapangan seperti pengambilan sampel, analisis *on-site* dan sebagainya hanya boleh dijalankan dengan memastikan kawasan kerja lapangan adalah bukan kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19.
- 6.3 Dekan FSSK adalah bertanggungjawab untuk menyemak kesesuaian dan memberi kelulusan kerja lapangan dengan mengambil kira lokasi, saiz lokasi, tarikh dan masa kerja lapangan, tujuan kerja lapangan, bilangan dan senarai nama yang berada di lapangan.
- 6.4 Kerja lapangan seperti soal selidik, temu bual, forum, perbincangan berkumpulan adalah digalakkan untuk dijalankan secara alternatif iaitu secara dalam talian.
- 6.5 Penyelidik perlu memastikan semua prosedur dan langkah kawalan keselamatan dipatuhi.
- 6.6 Penyelidik perlu membuat saringan kesihatan sendiri dengan mengukur suhu badan ($<37.5^{\circ}\text{C}$) sebelum bertolak dan bermula kerja lapangan. Sekiranya terdapat gejala seperti demam, batuk, sakit tekak dan sesak nafas semasa menjalankan kerja lapangan, semua kerja lapangan harus dihentikan. Penyelidik yang terlibat wajib hadir ke Pusat Kesihatan untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan. Sekiranya didapati kes COVID-19 positif, penyelidik yang terlibat akan melalui proses kuarantin dengan serta-merta.
- 6.7 Penyelidik perlu mengamalkan penjarakan sosial (sekurang-kurangnya 1 meter) dengan responden atau informan dan tiada sentuhan/bersalaman dibenarkan. Penyelidik dinasihatkan untuk mengatur perjumpaan dalam kumpulan kecil (kurang daripada 10 orang dengan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter) pada satu masa yang sama.
- 6.8 Sampel yang diperoleh di lapangan seharusnya dibuat penyahkuman (disinfeksi) semana yang boleh sebelum dibawa balik ke makmal/bengkel/studio yang berkenaan.

- 6.9 Selepas kerja lapangan, penyelidik seharusnya mengukur suhu badan ($<37.5^{\circ}\text{C}$) sebelum meninggalkan lokasi kerja lapangan. Penyelidik perlu membuat laporan kepada Ketua PTj tentang bilangan dan senarai nama responden atau informan dan nombor telefon yang ditemui di lapangan.
- 6.10 Kerja lapangan di luar negara adalah tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan UKM dari semasa ke semasa.

7.0 PENYELIAAN DAN LAIN-LAIN URUSAN PENYELIDIKAN

- 7.1 Penyelidik adalah bertanggungjawab untuk merancang aktiviti penyeliaan modal insan samada RA, GRA, Pasca Doktorat dan Pelajar (Penyelidikan) agar KPI penyelidikan yang ditetapkan masih boleh dicapai berdasarkan sumber yang ada.
- 7.2 Penyelidik perlu memastikan adanya keperluan kritikal dan keperluan asas sebelum arahan atau tugas diberikan kepada modal insan.
- 7.3 Proses penyeliaan dan perbincangan bersama modal insan adalah digalakkan untuk menggunakan cara alternatif iaitu secara atas talian untuk meminimumkan kontak.
- 7.4 Modal insan perlu sentiasa bersedia dari semasa ke semasa berdasarkan gerak kerja yang dirancang oleh penyelia serta perlu berusaha untuk mencapai KPI penyelidikan yang ditetapkan (berdasarkan jenis lantikan) menggunakan sumber sedia ada.
- 7.5 Sekiranya perlu hadir ke pejabat (bagi tugas yang kritikal yang memerlukan keberadaan di kampus), penyelidik dan modal insan yang diselia perlu mematuhi kesemua garis panduan kawalan penularan wabak COVID19 yang sedang berkuatkuasa.
- 7.6 Kesemua urusan pengurusan penyelidikan dan inovasi di FSSK akan dijalankan secara atas talian.
- 7.7 Semua pergerakan untuk urusan penyelidikan menjangkau negeri seharusnya membuat laporan dalam MyTRACE dan MySEJAHTERA.

8.0 PEMAKAIAN GARIS PANDUAN PENYELIDIKAN

8.1 Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan;

- a) Pekeliling Naib Canselor Bil. 6/2020 mengenai COVID-19: Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan bertarikh 8 Jun 2020.
- b) Garis Panduan Bekerja UKM
- c) Garis Panduan Aktiviti Penyelidikan Sebagai Langkah Pencegahan Penularan Wabak COVID19 v.2, CRIM, UKM
- d) Garis Panduan Bekerja FSSK mulai 10 Jun2020

Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap mana-mana warga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan yang sedang berkuasa. Penyelidik adalah tertakluk kepada Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] dan peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa yang mana bersesuaian;

8.2 Garis Panduan ini terpakai untuk warga FSSK yang ingin menjalankan aktiviti penyelidikan mulai 10 Jun 2020 sehingga ke satu tarikh tertentu apabila ia akan dipinda mengikut keadaan semasa atau arahan daripada Kerajaan Malaysia.

8.3 Pemakaian garis panduan ini adalah tertakluk dari semasa ke semasa kepada perubahan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia dan UKM. Justeru, garis panduan ini akan tidak terpakai/terbatal sekiranya berlaku sebarang perubahan arahan daripada Kerajaan Malaysia dan UKM.

9.0 TARIKH KUAT KUASA

9.1 Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai 10 Jun 2020. Ia terpakai khusus sebagai langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 di FSSK; dan

9.2 Garis Panduan ini tidak terpakai sekiranya terdapat arahan/perintah baharu oleh UKM selaras dengan perkembangan terkini wabak COVID-19 di Malaysia.